

**KAJIAN MENAIKTARAF KAWASAN REKREASI
HUTAN LIPUR SEKAYU,
HULU TERENGGANU, TERENGGANU.**

Oleh

AMIRUL AZWAN BIN AZIZ

**Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur
Universiti Teknologi Mara
Shah Alam**

OKTOBER 2003

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirahim

Assalamualaikum

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaan dari-Nya, maka dapat saya menyiapkan kajian akhir ini dengan sempurna. Di atas dorongan dan dan tunjuk ajar yang amat berguna dari Penyelia Kajian Akhir, alhamdulillah akhirnya kajian akhir ini dapat disiapkan pada masa yang telah ditetapkan.

Jutaan terima kasih saya tujukan kepada terutamanya ditujukan kepada Profesor Madya Dr. Wan Salleh b. Hj. Wan Ibrahim kerana telah memberi banyak tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang tempoh penghasilan penghasilan kajian akhir ini. Tidak lupa juga kepada keluarga yang telah banyak memberikan dorongan dan doa restu terutamanya ayah yang selama ini telah banyak berkorban dan memberikan tunjuk ajar kepada diri ini. Selain itu, ucapan terima kasih ini ditujukan kepada pihak-pihak tertentu terutamanya Encik Zahari b. Abdullah dari Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Terengganu dan Puan Fadriallinawati Mohamad dari Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu yang telah banyak membantu memberikan maklumat-maklumat berkaitan dengan kawasan kajian.

Tidak lupa juga juga ucapan terima kasih ini ditujukan kepada teman-teman yang telah banyak membantu dalam memberikan pendapat dan komen di dalam penyediaan kajian akhir ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian yang bertujuan untuk menaiktaraf kawasan rekreasi ini samada dari segi penyediaan kemudahan awam, sokongan serta kemudahan rekreasi yang terdapat Di Hutan Lipur Sekayu, Hulu Terengganu kerana mengetahui akan perancangan yang telah dilakukan pada 20 tahun yang lepas tanpa sebarang perancangan yang baru sedikit sebanyak telah mewujudkan kesan negatif samada dari aspek penyediaan elemen kemudahan dan juga keadaan fizikal kawasan rekreasi ini. Kajian ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan keberkesanan kawasan rekreasi ini kepada pengunjung kawasan rekreasi kerana menyedari akan potensi kawasan rekreasi ini sebagai sebuah kawasan rekreasi yang menjadi tumpuan pengunjung samada dari dalam dan juga dari luar Negeri Terengganu. Kawasan rekreasi ini merupakan sebuah kawasan rekreasi berkonsepkan 'eco-tourism' yang telah diwartakan sebagai kawasan hutan lipur oleh Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu. Bagi melaksanakan kajian ini, terdapat dua kaedah yang akan digunakan iaitu kaedah pengamatan yang dijalankan ke atas kawasan kajian dan juga kaedah soal selidik yang dilakukan ke atas pengunjung kawasan rekreasi ini yang merangkumi hari biasa dan juga hari cuti am. Bagi menjalankan soal selidik pengunjung ini, seramai 102 orang pengunjung telah dipiih secara rawak untuk mendapatkan pandangan, komen serta cadangan berkaitan untuk menaiktaraf kawasan kajian ini. Manakala kaedah pengamatan yang dijalankan akan meniiai keadaan fizikal kawasan kajian, keadaan kemudahan dan juga akan menilai aspek kebersihan dan keselamatan di kawasan rekreasi ini. Hasil daripada pengamatan dan soal selidik pengunjung ini, penemuan terhadap isu, masalah dan potensi kawasan kajian yang berdasarkan pandangan pengunjung serta keadaan fizikal akan dianalisis untuk sebarang pambaikan atau sebarang cadangan baru yang akan dijalankan di dalam kawasan rekreasi ini. Cadangan-cadangan yang dikemukakan akan mengambilkira pandangan dan cadangan yang diutarakan oleh pengunjung selain turut mengambilkira aspek fizikal kawasan kajian yang berkonsepkan alam sekitar. Oleh itu sebarang cadangan yang akan dikemukakan untuk menaiktaraf kawasan kajian ini akan dikaji terlebih dahulu supaya pambangunan yang dijalankan akan mendatangkan kesan yang paling minima ke atas alam sekitar. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengemukakan cadangan yang bernas dan bersesuaian bagi mengatasi masalah yang wujud di kawasan rekreasi ini. Cadangan yang akan diutarakan ini adalah bertujuan untuk menaiktaraf kawasan rekreasi ini samada dari segi penyediaan elemen kemudahan dan juga aspek pengurusan dari pihak yang bertanggungjawab terhadap kawasan rekreasi ini.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Rajah	viii
Senarai Jadual	ix
Senarai Foto	x

ISI KANDUNGAN

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Kenyataan Isu dan Masalah	4
1.3	Tujuan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Skop Kajian	8
1.6	Peringkat Kajian	10
1.7	Kepentingan Kajian	14

BAB 2 KAJIAN TEORITIKAL DAN LATAR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Definisi Rekreasi	16
2.3	Jenis-Jenis Rekreasi	18
2.3.1	Rekreasi Aktif	18
2.3.2	Rekreasi Pasif	18
2.4	Fungsi Kawasan Rekreasi	19
2.4.1	Tempat Berehat Dan Beriadah	19
2.4.2	Penggalak Interaksi Sosial Masyarakat	19
2.5	Hirarki Kawasan Rekreasi	20
2.5.1	Rekreasi Peringkat Tempatan	20
2.5.2	Rekreasi Peringkat Bandaran	20
2.5.3	Rekreasi Peringkat Wilayah	21
2.5.4	Rekreasi Peringkat Nasional	22
2.6	Klasifikasi Rekreasi	24
2.6.1	Rekreasi Harian	24
2.6.2	Rekreasi Sehari	24
2.6.3	Rekreasi Hujung Minggu	24
2.6.4	Rekreasi Percutian	25
2.7	Klasifikasi Pengguna Kawasan Rekreasi	25
2.7.1	Kumpulan Umur	25
2.7.2	Kumpulan Masyarakat	27
2.8	Ciri-Ciri Yang Mempengaruhi Kecenderungan Berekreasi	28
2.9	Prinsip Perancangan Kawasan Rekreasi	29
2.10	Kriteria Rekabentuk Kawasan Rekreasi	32
2.11	Rekreasi Berkonsepkan Alam Semulajadi	33
2.11.1	Rekreasi Berkonsepkan Hutan Lipur.	33
2.11.2	Rekreasi Berkonsepkan Pantai	34
2.11.3	Rekreasi Berkonsepkan Sungai	35
2.11.4	Rekreasi Berkonsepkan Taman Haiwan	36
2.12	Rekreasi dan Pelancongan	37